

TARIKH : 19 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

Bajet 2023 perlu tawar insentif tangani inflasi, pacu pasaran domestik

Bajet 2023 perlu tawar insentif tangani inflasi, pacu pasaran domestik

• Walaupun keputusan penentuan kadar OPR tidak membabitkan campur tangan kerajaan, pihak berkuasa perlu memainkan peranan mengimbangi momentum pertumbuhan ekonomi negara

• Selain mengawal permintaan domestik menggunakan OPR, kerajaan boleh berperanan mengembangkan penawaran barangan dan perkhidmatan dalam pasaran domestik



Oleh Dr Muhammad Iqbal Hisham Kamsauddin
bhrencana@bh.com.my

Sepanjang 2022, Malaysia menghadapi kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak empat kali berturut-turut bermula 1.75 peratus pada Mei sehingga menjadi 2.75 peratus pada November tahun lalu, dengan kenaikan sebanyak 25 mata asas bagi setiap kenaikan.

Kenaikan ini tidak terhenti setakat itu apabila OPR dijangka mengalami kenaikan menjelang mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC), Bank Negara Malaysia (BNM) pada bulan ini.

Justeru, timbul persoalan sejauh mana keperluan untuk OPR terus dinaikkan dan apakah tidak ada alternatif lain bagi mengatasi keperluan untuk menaikkan kadar ini. Ia antara alat monetari digunakan untuk mengawal pertumbuhan ekonomi negara. OPR sering kali dikaitkan dengan tindakan untuk mengawal kadar inflasi. Namun sebenarnya OPR tidak hanya terhad dan hanya semata-mata bagi tujuan ini.

Dalam hal ini, selain kadar inflasi, ada banyak lagi faktor mampu mempengaruhi keputusan bagi menentukan kadar OPR semasa. Ini termasuk melihat kepada permintaan dan perbelanjaan domestik, pertumbuhan pembiayaan dan pinjaman serta pelaburan.

Selain kadar inflasi, peningkatan permintaan dan perbelanjaan domestik turut menyumbang kepada keperluan kenaikan OPR apabila sepanjang 2022 menyaksikan peningkatan permintaan secara mendadak tanpa henti.

Perbelanjaan pengguna di Malaysia menunjukkan peningkatan kepada RM235.86 bilion pada suku ketiga 2022 daripada RM219.52 bilion

pada suku kedua 2022.

Hal ini diterjemahkan dengan peningkatan ketara terhadap permintaan serta menyebabkan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Antara paling terkesan adalah membabitkan harga barangan makanan apabila inflasi harga makanan naik daripada 3.6 peratus pada Januari dan mencapai 7.3 peratus pada November lalu.

Dari sudut pembiayaan dan pinjaman pula, penurunan peratusan pembiayaan bersih serta pinjaman mula kelihatan retentat kenaikan berterusan OPR pada 2022.

Dari sudut pelaburan pula menyaksikan aliran pelaburan langsung asing (FDI) mengalami penurunan ketara bermula sebanyak RM246.9 bilion pada Januari 2022 kepada RM123.08 bilion pada November 2022 dengan lebih daripada separuh penurunan aliran pelaburan langsung asing.

Perkara ini terjadi disebabkan beberapa faktor dalaman dan luaran termasuk peningkatan berterusan kadar faedah Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS) daripada 0.25-0.50 peratus pada Mac 2022 sehingga terkini menjadi 4.25-4.50 peratus pada Disember lalu.

Peratusan kadar faedah ini turut dijangka terus menaik sehingga 5.25-5.50 peratus dan secara tidak langsung menarik tumpuan pelaburan ke pasaran AS.

Imbangi momentum pertumbuhan

Walaupun keputusan penentuan kadar OPR tidak membabitkan campur tangan kerajaan, kerajaan perlu memainkan peranan mengimbangi momentum pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam hal ini, selain mengawal permintaan domestik menggunakan OPR, kerajaan juga boleh memainkan peranan mengembangkan penawaran barangan dan perkhidmatan dalam pasaran domestik.

Malaysia kini mempunyai penawaran barangan dan perkhidmatan rendah termasuk apabila nilai eksport menurun kepada paras terendah dalam tempoh enam bulan terakhir iaitu RM130.24 bilion pada November 2022.

Ia berlawanan dengan penyusutan nilai mata wang ringgit yang sepatutnya meningkatkan nilai eksport apabila tukaran ringgit berbanding dolar AS jatuh sekitar RM1.10 pada Januari 2022 kepada RM1.40 kini.

Justeru, kerajaan boleh memanfaatkan Bajet

2023 yang akan dibentangkan tidak lama lagi dengan menawarkan insentif dan galakan terhadap aktiviti penawaran barangan dan perkhidmatan khususnya bagi memenuhi permintaan domestik semasa.

Berdasarkan situasi semasa, penawaran barangan berkaitan kekurangan bekalan disamping kenaikan harga mendadak. Walaupun beberapa langkah dicadangkan termasuk permesaraan untuk menyelesaikan permasalahan dalam jangka masa pendek.

Masalah terkait sekuriti makanan masih belum diselesaikan, maka rombakkan insentif dan program sedia ada perlu dilakukan. Masalah utama pengeluaran berkaitan barangan makanan ini terutama dalam sektor pertanian disebabkan kekurangan pengangkutan industri kerana margin keuntungan amat rendah.

Justeru, tindakan drastik dengan memodenkan sektor pertanian dilihat amat perlu dilaksanakan dengan memperuntukkan lebih banyak pembiayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan hasil pertanian disamping meningkatkan aplikasi penggunaan teknologi moden dalam pertanian.

La sedikit sebanyak mampu meningkatkan margin keuntungan sektor ini. Selain itu, kempen 'Jihad memerangi orang tengah' juga perlu ditingkatkan.

Dalam hal ini, monopoli agihan subsidi baja sejak berdekad lalu perlu dirombak supaya agihannya lebih efektif dan sampai kepada petani dalam tempoh ditetapkan.

Penstrukturan semula organisasi berkaitan seperti pemerikasaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) tanpa campur tangan politik dan pegawai kerajaan, selain tuntutan tindakan agresif Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengumpul dan memasarkan hasil keluaran pertanian akan dapat mengatasi isu 'orang tengah' atau 'kartel' dalam industri ini.

Bagi menjamin bekalan makanan mencukupi, kerajaan juga mesti memastikan pengilat utama sektor pertanian mengutamakan penghasilan hasil pertanian bagi kegunaan domestik berbanding mengeksport.

Tindakan ini akan meningkatkan penawaran hasil pertanian dan barangan makanan bagi memenuhi peningkatan permintaan domestik semasa dan pada masa sama mengawal kadar inflasi berkaitan barangan makanan.

